

Headline	Malaysia sambut Hari Buluh Sedunia		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	19 Sep 2012	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	e3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	199 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 452
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,356



Malaysia sambut Hari Buluh Sedunia

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia buat julung kalinya menyambut Hari Buluh Sedunia (WBD) tahun ini setelah sambutan itu diisytiharkan secara rasmi tiga tahun lalu, kata Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MITB) Prof Madya Dr Jalaluddin Harun.

Katanya sambutan selama enam hari yang bermula hari ini sehingga Ahad akan dirasmikan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Hamzah Zainudin di sebuah kompleks membeli belah dekat sini, esok.

“Pelbagai aktiviti akan diadakan sepanjang enam hari sambutan termasuk forum Halatuju

Industri Buluh Negara yang memfokus kepada beberapa tajuk utama seperti “The Versatile Green Material”, “Bamboo Health” dan “A Sustainable Construction Material of the Future”.

“Turut diadakan ialah pameran produk buluh yang akan disertai 20 pempamer dari pelbagai agensi kerajaan serta pihak swasta,” katanya kepada Bernama.

Jalaluddin berkata satu pertandingan reka bentuk produk berasaskan buluh juga akan diadakan yang bertujuan mencungkil kreativiti pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan profesional yang terlibat dalam

mereka bentuk produk perka-
yuan negara.

Beliau berkata sambutan WBD 2012 itu dianjurkan secara bersama oleh MTIB, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Yayasan Keusahawanan Inovasi Global (GIEF), iaitu satu pertumbuhan bukan kerajaan.

Sempena sambutan itu, satu perjanjian persefahaman (MoU) akan dimeterai antara MITB, FRIM, UPM dan GIEF yang bertujuan menggalakkan pembangunan industri buluh di negara ini berdasarkan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia 2011-2020

yang disediakan oleh MTIB.

Katanya, MoU itu juga bertujuan merangka rancangan dan strategi baru termasuk

skim insentif yang boleh dicadangkan kepada kerajaan untuk memastikan pertumbuhan industri buluh yang berjaya dan mampan di Malaysia.

“Ia termasuk mengenal pasti rakan kongsi pintar, berpengalaman dan berpengetahuan dari dalam negara atau di luar negara,” katanya.

Sambutan Hari Buluh Sedunia diisytiharkan secara rasmi pada 2009 di Thailand oleh Organisasi Buluh Sedunia semasa Kongres Buluh Sedunia yang dihadiri 43 negara. — Bernama